



SIARAN SERTA MERTA

MOTAC.100-2/1/18 JLD4 (8)

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

SIARAN MEDIA

PENGGANTUNGAN LESEN SYARIKAT EMRAZ TRAVEL & TOURS SDN. BHD. (NO. LESEN: KPK/LN: 8608)

8 Julai 2023 – YB Dato Sri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya telah memutuskan untuk **menggantung lesen SYARIKAT EMRAZ TRAVEL & TOURS SDN. BHD. (NO. LESEN: KPK/LN: 8608) (Syarikat) selama enam (6) bulan berkuat kuasa mulai 10 Julai 2023 sehingga 9 Januari 2024. Penggantungan lesen syarikat ini adalah selaras dengan Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] di bawah subseksyen 8(1)(d) iaitu telah menjalankan perniagaan mengikut cara yang memudaratkan kepentingan orang awam, industri pelancongan atau ekonomi negara.**

Dalam tempoh penggantungan lesen ini, Syarikat **tidak boleh mengurusniagakan apa-apa perniagaan baharu**

seperti mengiklankan pakej umrah dan mengambil jemaah baharu untuk mengerjakan umrah.

Dalam tempoh penggantungan lesen ini juga, syarikat tersebut dikehendaki mengambil tindakan **memulangkan semula bayaran dan apa-apa dokumen milik jemaah umrah yang memilih untuk membatalkan tempahan dengan syarikat serta membuat penjadualan semula penerbangan umrah yang tertangguh. Sekiranya didapati syarikat melanggar syarat ini, tindakan pembatalan lesen boleh diambil dan tiada pembaharuan lesen akan dibenarkan setelah habis tempoh lesen.**

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-88917181

Website: www.motac.gov.my Email: info@motac.gov.my

Facebook, Instagram & Twitter: @mymotac